

10 peratus pekerja Malaysia dapat gaji RM11,122 sebulan

Seramai 10 peratus pekerja formal di Malaysia menerima upah bulanan sekurang-kurangnya RM11,122 pada Disember 2025, sekali gus mencerminkan kelompok pendapatan tertinggi dalam pasaran buruh negara, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Pada masa sama, Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) pada Suku Tahun Keempat 2025 yang diterbitkan oleh DOSM mendapati 10 peratus pekerja formal terendah menerima upah bulanan sebanyak RM1,700 atau kurang setiap bulan, menunjukkan jurang pendapatan yang ketara antara

kumpulan berpendapatan tinggi dan rendah.

DOSM memaklumkan, pekerja dalam persentil ke-90 menerima lebih enam kali ganda berbanding kumpulan upah terendah, sekali gus menggambarkan ketidakseimbangan agihan pendapatan dalam sektor formal.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata sejumlah 8.4 peratus daripada jumlah pekerja formal warga-negara menerima upah di bawah RM1,700 pada Disember 2025.

“Peratusan itu bagaimanapun berkurang sebanyak 12.5 mata pe-

ratus berbanding Disember 2024, menandakan peningkatan pendapatan dalam kalangan kumpulan berupah rendah,” katanya.

Mohd Uzir berkata, statistik berkenaan adalah berasaskan sumber data pentadbiran daripada agensi berkaitan dengan tumpuan kepada warganegara yang bekerja dalam sektor formal, khususnya sektor swasta.

“Perantaraan ke hadapan, DOSM akan terus memperkukuh penyebaran statistik upah pekerja dengan mengintegrasikan pelbagai data pentadbiran untuk pengeluaran statistik yang lebih terperinci bagi pe-

mahaman lebih mendalam tentang pasaran buruh negara,” katanya.

Secara keseluruhan, median upah bulanan pekerja sektor formal meningkat kepada RM3,167 pada Disember 2025 berbanding RM3,045 pada Disember 2024, iaitu kenaikan 4.0 peratus.

Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Tahun Keempat 2025 turut menunjukkan pasaran buruh Malaysia terus mencatat pertumbuhan stabil sepanjang tempoh berkenaan.

Bilangan pekerja formal warganegara meningkat 3.6 peratus kepada 7.08 juta orang pada Disember

2025 berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

DOSM berkata, median upah bulanan turut merekodkan peningkatan tahunan masing-masing sebanyak 4.3 peratus pada Oktober dan November 2025, selain 4.0 peratus pada Disember 2025.

Mengikut jantina, pekerja formal lelaki yang mewakili 55.1 peratus atau 3.9 juta orang daripada keseluruhan tenaga kerja formal menerima median upah RM3,167.

Pekerja formal perempuan pula yang merangkumi 44.9 peratus atau 3.18 juta orang menerima median upah bulanan RM3,120.